

**PEMBENTUKAN KARAKTER MURID MELALUI
PEDAGOGI TERBEZA DALAM PENGAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH RENDAH**

Zurina Mustaffa¹, *Zaharah Hussin², Azni Yati Kamarudin², Zuraini Yaakub¹, Aidawati Abdul Rahman³ & Hafiz Idrus⁴

ABSTRACT

Character development among students is a critical aspect of education that often becomes a focal point to ensure that the younger generation grows with positive values necessary to contribute to society. *Pedagogi Terbeza* (Differentiated Pedagogy), which emphasizes a teaching approach tailored to student's needs, is increasingly recognized as an effective method for achieving this objective. This article discusses how Differentiated Pedagogy can be applied in the context of Islamic Education teaching in Malaysia, focusing on key aspects such as content, process, product, and learning environment. The study's purpose is to identify character development among students through the practice of Differentiated Pedagogy in Islamic Education and to determine how positive character traits can be cultivated through these practices in the classroom. The study employs a qualitative methodology using semi-structured interview protocols. The findings reveal that several student character traits can be developed through Differentiated Pedagogy in Islamic Education teaching. The results also indicate that positive character traits can be nurtured through Differentiated Pedagogy. This study has significant implications for the Malaysian Ministry of Education, State Education Departments, District Education Offices, schools, Islamic Education teachers, and students. Positive character traits cultivated through Differentiated Pedagogy ensure that the new generation can be educated with commendable practices.

Keywords: *Character Development, Students, Islamic Education, Primary School, Differentiated Pedagogy*

[1]
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Institut Pendidikan Guru Malaysia,
Kampus Raja Melewar

[2]
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
zaharah@um.edu.my

[3]
Jabatan Kecemerlangan Akademik
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kampus Perempuan Melayu

[4]
Lembaga Peperiksaan,
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan teknologi, pendidikan tidak lagi terhad kepada pemindahan ilmu semata-mata, tetapi turut melibatkan pembentukan karakter yang kukuh dalam kalangan murid. Pembentukan karakter merujuk kepada usaha sistematik dalam membina nilai-nilai moral, etika, dan tingkah laku yang baik dalam diri individu. Dalam konteks pendidikan, khususnya Pendidikan Islam, peranan guru bukan hanya sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai pembimbing yang membantu murid membentuk karakter yang positif (Alsubaie, 2022).

Justeru itu, Pedagogi Terbeza diperkenalkan sebagai pendekatan yang dapat memenuhi keperluan pelbagai murid di dalam bilik darjah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, tahap kebolehan, dan gaya pembelajaran. Pendekatan ini menekankan bahawa setiap murid mempunyai keunikan tersendiri. Oleh itu, pengajaran harus disesuaikan untuk memenuhi keperluan individu tersebut (Zuraidah Abdul et al., 2023). Pelbagai modul Pedagogi Terbeza telah dihasilkan, antaranya Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) (Sherone J. Oyunini & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2023).

Pernyataan Masalah

Di sekolah-sekolah Malaysia, isu-isu karakter seperti kurangnya rasa hormat, tidak bertanggungjawab, dan ketidakjujuran semakin meruncing. Ini mencerminkan satu masalah besar dalam sistem pendidikan yang mungkin terlalu menekankan aspek akademik tanpa memberi perhatian yang cukup kepada pembentukan karakter murid. Selain itu, dengan kepelbagaian latar belakang murid, guru menghadapi cabaran besar dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada semua murid. Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana pedagogi dapat disesuaikan untuk mencapai objektif pembelajaran akademik dan juga membentuk karakter yang baik dalam kalangan murid (Jabar & Kamal, 2020).

Kepelbagaian murid sudah tentu memberi kepelbagaian ragam. Terdapat segelintir murid yang ingin diraikan dan dihargai dengan kelebihan dan keupayaan mereka (Nur Syazlina Hanim Abdur Rahim et al., 2019). Namun keinginan tersebut tidak tercapai apabila guru sentiasa mengajar dengan menggunakan pendekatan yang sama (*one size fits all*) (Bondie et al., 2019). Akhirnya, mereka berasa tidak seronok untuk terus berada di bilik darjah (Sofiah Mohamed et al., 2016). Kesan daripada situasi ini, mereka memberontak dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral seperti mengejek, maki hamun, dan mengambil barang rakan untuk menarik perhatian guru (Habibah@Artini Ramlee & Zaharah Hussin, 2017). Oleh itu, guru perlu sentiasa proaktif dalam menangani fenomena seperti ini dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran seperti menggunakan pendekatan pedagogi Terbeza (Nelly Yuliana, 2017).

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pasti pembentukan karakter positif murid Sekolah Rendah melalui amalan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam.
2. Mengetahui pasti karakter positif murid Sekolah Rendah dapat dibentuk melalui amalan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah pembentukan karakter positif murid Sekolah Rendah melalui amalan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam?
2. Bagaimana karakter positif murid Sekolah Rendah dapat dibentuk melalui Pedagogi Terbeza dalam pengajaran Pendidikan Islam?

Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan murid sekolah rendah sahaja. Kajian ini dijalankan ketika guru pelatih menjalani praktikum fasa 1 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Amalan Pedagogi Terbeza dilaksanakan dalam mata pelajaran tersebut.

Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur yang dibincangkan dalam kajian ini melibatkan Pendidikan Karakter, Pedagogi Terbeza dan elemen-elemen dalam Pedagogi Terbeza.

1. Pendidikan karakter

Pendidikan karakter telah menjadi satu elemen penting dalam sistem pendidikan global. Pendidikan karakter merangkumi usaha untuk mengajar murid tentang nilai-nilai moral, etika, dan sosial yang diperlukan untuk menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Di Malaysia, pendidikan karakter sering kali digabungkan dengan pengajaran akademik, namun cabaran utama adalah memastikan bahawa karakter ini benar-benar terbentuk dan diamalkan oleh murid (Narvaez & Lapsley, 2019).

Menurut Ajat Sudrajat (2022), karakter merujuk pada pola tingkah laku yang menggambarkan akhlak seseorang. Karakter individu dapat dilihat selepas individu tersebut melepasi zaman kanak-kanak. Karakter mereka telah dapat diramalkan dan berkaitan dengan perilaku terhadap persekitaran (Keyin Ryan, 1999).

Pendidikan Karakter merupakan proses membentuk serta mengembangkan nilai, sikap dan tingkah laku yang positif dalam diri individu (Slamet et al., 2023). Ia bertujuan untuk membentuk perwatakan yang baik, bermoral, beretika dan bertanggungjawab. Pendidikan karakter melibatkan pemahaman, penghayatan, dan penerapan nilai-nilai universal seperti kejujuran, tanggungjawab, kerjasama, disiplin, kesederhanaan, rasa hormat kepada orang lain, dan empati (Rokayati et al., 2023; Sioratna Puspita Sari & Jessica Elfani Bermuli, 2021; Slamet et al., 2023). Pendidikan karakter juga termasuklah pembangunan kemahiran sosial melalui program pengembangan kepimpinan, aktiviti kokurikulum dan kurikulum melalui panitia Bahasa Melayu, Matematik, Sejarah dan Sains serta emosi yang menyokong tingkah laku positif dan hubungan yang sihat (Rokayati et al., 2023).

Tujuan Pendidikan Karakter adalah membentuk sahsiah yang baik dalam mewujudkan individu yang berintegriti, jujur, dan mampu membuat keputusan berdasarkan prinsip moral. Selain itu, Pendidikan Karakter dapat membina komuniti yang harmoni, mengajar murid untuk bekerjasama, menghormati perbezaan dan menyumbang secara positif kepada masyarakat (Ajat Sudrajat, 2022).

Rokayati et al., (2023) menyatakan Pendidikan Karakter dapat menggalakkan kesejahteraan sosial dan emosi, mengajar kemahiran untuk menghadapi tekanan, bekerja dalam pasukan, berempati dengan orang lain serta meningkatkan prestasi akademik. Justeru itu, Pendidikan Karakter boleh membantu murid membina sikap positif terhadap pembelajaran dan persekitaran sekolah.

2. Pedagogi Terbeza

Terdapat pelbagai konsep Pedagogi Terbeza yang dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas. Abd. Khahar Saprani et al. (2018) menyatakan, Pedagogi Terbeza merupakan suatu bidang ilmu yang menitikberatkan keadilan kepada murid. Maka, proses pengajaran yang dijalankan sudah semestinya memenuhi keperluan setiap murid. Kenyataan ini disokong oleh Marina Rahmad @ Rahmand dan Zamri Mahamod (2021) yang menyatakan bahawa guru mempelbagaikan gaya pengajaran untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza.

Pedagogi Terbeza juga dibincangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang Kedua yang menyatakan Pedagogi Terbeza sebagai kepelbagaian metodologi berdasarkan kerangka yang mudah lentur untuk diimplementasikan di bilik darjah berdasarkan kepelbagaian penguasaan dan pencapaian, minat, profil dan latar belakang yang berbeza (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Pedagogi Terbeza juga dikatakan sebagai suatu pedagogi di mana guru mengubah suai kandungan murid serta kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan-bahan bantu mengajar, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan murid di bilik darjah yang pelbagai (Abd. Khahar Saprani et al., 2018). Konsep pedagogi Terbeza yang dilaksanakan di dalam bilik darjah dengan cara guru mengambil berat terhadap kepelbagaian dan perbezaan murid di dalam bilik darjah seperti kesediaan murid, minat dan profil pembelajaran murid (Tomlinson & B.Imbeau, 2014).

Kesimpulannya, Pedagogi Terbeza boleh dirumuskan sebagai kepelbagaian metodologi yang bersifat luwes dan mudah lentur dan diaplikasikan di dalam bilik darjah dengan mengubah suai kandungan, proses pengajaran, produk atau hasil pembelajaran serta persekitaran pembelajaran murid dengan mengambil kira keperluan murid yang berbeza di dalam bilik darjah.

Pedagogi Terbeza diguna pakai kerana wujudnya perbezaan dalam kalangan murid. Perbezaan murid merujuk kepada perbezaan latar belakang pendidikan, gaya belajar, kecerdasan pelbagai, latar belakang budaya yang berbeza, profil, keupayaan berbahasa yang berbeza, minat dan tempoh memberi perhatian semasa proses pembelajaran dan keperluan yang berbeza. Maka dengan wujudnya keterbezaan ini, guru haruslah mengajar dengan cara yang berbeza. Pengkaji akan membincangkan perbezaan murid daripada aspek gaya belajar dan kecerdasan yang pelbagai.

3. Elemen Pedagogi Terbeza


Pedagogi Terbeza mempunyai empat elemen iaitu kandungan, proses, produk, dan persekitaran. Elemen kandungan merupakan kurikulum yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan konteks, kemahiran dan penghayatan, serta nilai (Tursunbayevna, 2021). Guru mengubah suai kandungan yang diajar mengikut kemampuan kepelbagaian murid, sama ada daripada aspek kesediaan, minat atau profil pembelajaran (Nurmelda Patric & Roslinda Rosli, 2020). Elemen Pedagogi Terbeza yang kedua ialah proses. Proses melibatkan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru mengikut kepelbagaian kemampuan murid. Setiap murid adalah berbeza dan mereka tidak boleh diajar dengan kaedah yang sama. sistem "*one size fits all*" sudah tidak relevan untuk diaplikasikan kepada murid (Ibrahim Suleiman Ibrahim Magableh & Amelia Abdullah, 2020).

Seterusnya, elemen produk pula merupakan proses guru mengubah suai produk iaitu dengan membuat penilaian terhadap produk yang berbeza yang dihasilkan oleh murid (Kartika Eka Pertiwi, 2021a). Produk yang berbeza yang dihasilkan oleh murid akan memberi motivasi kepada murid untuk mengikuti proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Elemen yang terakhir dalam Pedagogi Terbeza adalah elemen persekitaran. Persekitaran yang berbeza juga sangat penting untuk memberikan peluang kepada murid untuk belajar dalam keadaan yang selesa bagi mereka. Persekitaran merujuk kepada kesesuaian murid yang ingin belajar secara individu, berpasangan atau berkumpulan (Zurina Mustaffa et al., 2021c).

Walaupun Pedagogi Terbeza mempunyai empat elemen iaitu kandungan, proses, produk, dan persekitaran, guru diberi pilihan sama ada untuk mengubah suai salah satu atau kesemua elemen ketika sesi pengajaran dijalankan.

Sebagai kesimpulan daripada elemen-elemen Pedagogi Terbeza, pengkaji memaparkan elemen-elemen tersebut dalam bentuk grafik seperti di Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Elemen Pedagogi Berbeza

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah yang berbentuk kualitatif. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah reka bentuk berbentuk kajian lapangan.

Pensampelan

Pensampelan kajian ialah *purposive sampling*. Peserta kajian telah dipilih dan melibatkan 2 orang guru pelatih IPGM Kampus Raja Melewar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Peserta kajian dipilih berdasarkan pemetaan pengetahuan peserta terhadap Pedagogi Terbeza.

Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan temu bual separa struktur untuk mendapatkan maklumat daripada peserta. Pengkaji telah menggunakan teknik *peer review* bersama dengan pakar yang lain bagi memastikan tema yang dihasilkan mempunyai kesahan.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum pengkaji mengadakan temu bual separa struktur, beberapa prosedur pengumpulan data telah dibuat, seperti permohonan kebenaran daripada pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia. Setelah mendapat kelulusan daripada IPGM, pengkaji telah menetapkan tarikh, hari, dan masa untuk membuat kajian di lapangan. Pengkaji telah menemu bual peserta kajian dan telah membuat transkripsi temu bual tersebut. Transkripsi yang telah siap diserahkan semula kepada peserta kajian untuk disahkan.

Analisis Data

Hasil daripada temu bual bersama peserta kajian, pengkaji telah membina beberapa tema secara manual bagi mendapat jawapan kepada persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pembentukan karakter positif murid melalui amalan Pedagogi Terbeza. Beberapa karakter positif yang dapat dikenal pasti adalah murid hormat-menghormati antara satu sama lain, bekerjasama dalam kumpulan kecil dan toleransi antara satu sama lain (Zurina Mustafa et al., 2021c). Dapatan juga menunjukkan karakter positif murid mampu dibentuk melalui amalan Pedagogi terbeza yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Keseluruhan dapatan menunjukkan elemen yang ditekankan dalam pendidikan karakter ialah menghormati orang lain (Eko Mulyana et al., 2023). Menurut Faslia et al. (2023), menghormati orang lain adalah dengan melayan semua orang dengan hormat, kerana setiap orang mempunyai nilai dan berhak mendapat kebebasan yang sama seperti orang lain. Ini menunjukkan bahawa individu perlu memahami mengapa manusia mesti menghormati semua makhluk dan alam sekitar kerana setiap entiti mempunyai kebebasan untuk dihormati.

Dapatan temu bual mendapati peserta kajian yang pertama dan kedua bersepakat mengatakan (P1) "*sentiasa menghormati murid-murid yang lain*" (TB1, P1, hlm6) dan (P2) "*murid bersikap terbuka dan menghormati murid lain yang berlainan tahap pencapaian*" (TB2, P2, hlm5).

P1 menyatakan karakter positif murid dapat dibentuk melalui amalan Pedagogi Terbeza dengan mereka menghormati murid yang lain. Pengajaran menggunakan Pedagogi Terbeza dapat mendidik murid supaya lebih bertolak ansur antara satu sama lain dan juga menghormati pengajaran guru serta kepelbagaian keupayaan rakan sebaya, sama ada daripada aspek keupayaan dalam pencapaian akademik mahupun kokurikulum (Suhaili Samsudin, 2005).

Selain itu, murid yang menghormati murid lain yang mempunyai kepelbagaian dapat meningkatkan mutu pembelajaran kerana mereka berasa dihargai dan diraikan oleh rakan sebaya. Hal ini jelas dinyatakan oleh Imam Ibn Sahnun dalam *Kitab Adab al-Mua'limmin* yang menyatakan bahawa murid seharusnya diraikan dengan kepelbagaian mereka (Mohammad Syafiq Ismail, 2020). Sehubungan dengan itu, setiap murid akan sedar bahawa setiap murid mempunyai kelebihan dan potensi yang berbeza (Ruddy Anak Sibat & Ruhizan M.Yasin, 2022).

Dapatan kajian juga menunjukkan karakter positif murid melalui sikap bekerjasama. Hal ini dinyatakan oleh P2 iaitu, "*selain itu, murid bekerjasama dalam aktiviti kumpulan dengan sangat baik,*" (TB2, P2, hlm6). P2 berpendapat melalui amalan Pedagogi Terbeza, murid dapat membentuk sikap bekerjasama dalam menyiapkan aktiviti kumpulan.

Bekerjasama sangat penting dalam diri murid kerana ia dapat membentuk interaksi yang positif dalam kehidupan murid. Hal ini jelas dinyatakan kerana murid seharusnya sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dalam pembelajaran dan menyiapkan tugas yang diberikan guru, bukannya bersaing untuk meletakkan mereka di atas (Mohd Aderi Che Noh et al., 2018). Bekerjasama juga dapat menaikkan semangat dan motivasi dalam kalangan murid untuk mencapai kejayaan bersama.

Dapatan kajian (Ruddy Anak Sibat & Ruhizan M.Yasin, 2022) menyatakan bahawa pengaruh persekitaran sosial di dalam bilik darjah menyumbang kepada motivasi belajar murid di dalam bilik darjah. Karakter positif murid yang sentiasa bersemangat untuk bekerjasama dalam menyiapkan aktiviti kumpulan. Fenomena ini juga disebabkan Pedagogi Terbeza membezakan aktiviti pengajaran mengikut keupayaan pencapaian murid tersebut, sama ada keupayaan daripada aspek kognitif, afektif mahupun psikomotor (Zurina Mustaffa et al., 2021b). Sistem *rewards* juga boleh diketengahkan untuk menaikkan semangat murid untuk terus menanamkan sikap bekerjasama (Muhammad Al Asyari et al., 2021).

Dapatan kajian juga mendapati karakter positif murid dapat dibentuk dengan amalan Pedagogi Terbeza dalam bilik darjah. Hal ini jelas berdasarkan pandangan P1 yang menyatakan bahawa karakter positif murid dapat dikenal pasti melalui amalan guru mengajar dengan menggunakan Pedagogi Terbeza. Penyataan ini disokong oleh P2, iaitu karakter positif murid dapat dilihat ketika beliau mengajar menggunakan Pedagogi Terbeza.

Kedua-dua respon Peserta Kajian menunjukkan karakter positif murid dapat dibentuk melalui amalan Pedagogi Terbeza di dalam bilik darjah. Daripada dapatan ini, jelas menunjukkan ciri Pedagogi Terbeza yang boleh disesuaikan dengan mengubah suai kandungan, proses, produk dan persekitaran dapat membantu membentuk karakter positif murid di dalam bilik darjah (Kartika Eka Pertiwi, 2021b).

Situasi ini juga menunjukkan karakter positif murid dapat dibentuk dengan pengaplikasian Pedagogi Terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini jelas dalam kajian Abd. Khahar Saprani et al. (2018) bahawa amalan Pedagogi Terbeza memberi impak yang tinggi kerana pembelajaran murid lebih bermakna.

PERBINCANGAN

Kesimpulan daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan karakter positif murid seperti hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira kemampuan mereka dalam bidang akademik mahupun kokurikulum dapat dibentuk melalui amalan Pedagogi Terbeza. Hal ini jelas menunjukkan amalan Pedagogi Terbeza dalam pengajaran guru sangat penting kerana ia mampu memupuk murid menghormati antara satu sama lain dan berubah sikap daripada negatif kepada positif terhadap sesuatu kurikulum (Safiek Mokhlis, 2021).

Murid juga akan bertolak ansur dengan menghormati rakan sebaya yang mempunyai kepelbagaian keupayaan dalam pembelajaran. Kajian Suhaili Fasliah et al. (2023) menunjukkan, kepelbagaian murid menjadikan murid lebih bertolak ansur, hormat-menghormati dan sentiasa menghargai perbezaan yang ada dalam kalangan mereka.

Dapatan kajian juga menunjukkan karakter positif murid dapat dibentuk melalui amalan Pedagogi Terbeza di dalam bilik darjah. Ini kerana murid berasa seronok sekiranya guru mempunyai pelbagai teknik pengajaran yang sudah tentu mengambil kira keperluan mereka. Amalan Pedagogi Terbeza digunakan oleh guru dengan mengubah suai elemen kandungan, proses, produk dan juga persekitaran (Zurina Mustaffa et al., 2022). Amalan Pedagogi Terbeza penting kerana ia memberi peluang kepada setiap murid untuk mengikuti aktiviti pembelajaran yang mengikut tahap pencapaian masing-masing (Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Saidi Mohd, 2008).

Pelbagai kaedah boleh digunakan melalui Pedagogi Terbeza, seperti guru mengubah suai kandungan iaitu kurikulum yang diajar, proses pengajaran sama ada dari segi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran mengikut kemampuan murid dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Guru juga boleh mengubah suai produk yang dihasilkan oleh murid dengan mempelbagaikan produk mengikut kecenderungan murid. Bahkan, guru boleh mengubah suai persekitaran murid dengan menyusun kedudukan murid ketika belajar di dalam bilik darjah (Zurina Mustaffa et al., 2021a).

KESIMPULAN

Dapatan dan perbincangan menunjukkan beberapa karakter positif dapat dikenal pasti melalui amalan Pedagogi Terbeza di dalam bilik darjah. Amalan Pedagogi Terbeza bukan sahaja membantu meningkatkan pembelajaran akademik, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina sikap menghormati antara satu sama lain, bekerjasama, dan bertoleransi dalam kalangan murid. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Noor dan Abdul Rahman (2020), agama Islam sendiri mementingkan sikap saling menghormati, yang boleh diterapkan melalui amalan Pedagogi Terbeza.

Di samping itu, bekerjasama merupakan elemen penting yang perlu dipupuk dalam kalangan murid kerana ia membantu membina semangat ke arah kejayaan bersama (Muhammad Aizuddin Abdul Aziz & Mohd Azmir Mohd Nizah, 2012). Kajian juga menunjukkan bahawa amalan Pedagogi Terbeza memberi impak positif kepada pembelajaran murid, di mana murid merasa seronok dan lebih bersemangat untuk belajar. Guru pula berusaha untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran bagi memenuhi keperluan individu murid (Geviana Gladysa Anak George & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021).

Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk diambil kira oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam usaha menyebarkan luas penggunaan Pedagogi Terbeza. Pendekatan ini mampu memantapkan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, seterusnya menyumbang kepada pembentukan karakter murid yang holistik dan seimbang. Rujukan menunjukkan bahawa Pedagogi Terbeza bukan sahaja relevan, tetapi juga kritikal dalam konteks pendidikan moden, terutamanya dalam pembentukan karakter murid sekolah rendah di Malaysia.

RUJUKAN

- Alsubaie, M. A. (2022). Differentiated instruction in Saudi Arabian elementary schools: Teachers' practices and challenges. *Education and Urban Society*, 54(1), 96-117.
- Abd. Khahar Saprani, Hapsah Majid, Zanariah Ibrahim, & Lokman Abd Wahid. (2018). Pedagogi Terbeza : Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 11, 1-17.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. (2004). Kaedah hafazan al-Qur'an yang sistematik dan praktikal dalam melahirkan para Huffaz yang rasikh. *International Seminar Islamic Thought Proceedings*, 83(6), 444-445. <https://doi.org/10.1177/154405910408300601>
- Ajat Sudrajat. (2022). Mengapa pendidikan karakter? *Hijaz: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 2(2), 7-13. <https://doi.org/10.57251/hij.v2i2.783>
- Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How does changing "one-size-fits-all" to Differentiated Instruction affect teaching? *Review of Research in Education*, 43(1), 336-362. <https://doi.org/10.3102/0091732X18821130>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus dewan* (Hajah Noresah Baharom & Md. Nor Hj. Ab Ghani (eds.); Edisi keem). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eko Mulyana, Ilyas, M. Sugeng A.K, Rosnawati, & Siti Zahro. (2023). Pendidikan karakter dalam kurikulum sekolah dasar di Malaysia dan Finlandia. *Edulead: Journal of Education Management*, 5(1), 1-6.
- Fairuz Adlidna Badrol Hissam, Mohd Hasrul Kamarulzaman, Nurul Suzaina Joli, & Noriah Mohd Ishak. (2017). *Impak pengajaran terbeza ke atas motivasi murid pintar dan berbakat di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Biologi*. E-Proceeding of the 6Th Global Summit on Education 2017, 2017(December), 174-185. <https://worldconferences.net>
- Faslia, Irwan, Jufri Agus, Yatun Syahirah, & La Ode Rizwan. (2023). Edukasi pendidikan karakter disiplin, tanggung jawab dan rasa hormat pada siswa sekolah dasar. *Jurnal Abdidas*, 4(1), 14-21. <https://doi.org/10.31004/abdidas.v4i1.743>
- Geviana Gladysa Anak George, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian literatur sistematik). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Habibah@Artini Ramlee, & Zaharah Hussin. (2017). Ciri-ciri guru pendidikan islam profesional (GPI) berasaskan riadhah ruhiyyah menurut pandangan al-Ghazali: Analisis kandungan bab adab terhadap guru dalam kitab Ihya Ulum al-Din. *Jurnal Al-Hikmah*, 9(2), 57-77.
- Ibrahim Suleiman Ibrahim Magableh, & Amelia Abdullah. (2020). Effectiveness of Differentiated Instruction on primary school students' English reading comprehension achievement. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(3), 20-35. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.3.2>
- Jabar, M. A., & Kamal, M. H. M. (2020). Moral decline among Malaysian students: Challenges and implications for character education. *Journal of Social Science and Humanities*, 15(2), 37-49.
- Kartika Eka Pertiwi. (2021a). Bagaimana menerapkan Differentiated Instruction. *Jurnal Program Studi Pendidikan Matematika*, 7(2), 100-105. <https://doi.org/https://doi.org/10.31597/ja.v7i2.632>
- Kartika Eka Pertiwi. (2021b). Efektivitas pendekatan Differentiated Instruction dalam proses pembelajaran. *Jurnal Ilmu Agama Islam*, 21-34. <http://journal.uml.ac.id/TL>
- Mohammad Syafiq Ismail. (2020). *Adab para guru* (Ed. Ketiga). ABIM.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan murid tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Negeri Terengganu. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, 6, 53-85
- Mohd Noor, M. R. & Abdul Rahman, M. S. (2020). Islamic education and character building: Integrating moral values into the curriculum. *Journal of Islamic Education*, 22(1), 45-58.
- Muhammad Aizzuddin Abdul Aziz & Mohd Azmir Mohd Nizah. (2012). *Metodologi pengajaran & pembelajaran Imam Abu Hanifah: Perbandingan dengan konsep pembelajaran berasaskan hasil*. Regional Seminar On Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SelPTI 2012), 2012(SelPTI), 578-582. <https://doi.org/10.13140/2.1.1301.6646>

- Muhammad Al Asyari, Zulkarnaen Guchi, & Parlaungan Lubis. (2021). Upaya meningkat semangat belajar melalui strategi reward pada siswa MTs Yayasan Pendidikan Islam (YASPI), Kecamatan Medan Labuhan. *Jurnal Taushiah FAI UISU*, 11(1), 107–119.
- Narvaez, D., & Lapsley, D. K. (2019). Teaching moral character: Two alternatives for teacher education. *Journal of Moral Education*, 48(3), 268–277.
- Nelly Yuliana. (2017). Pendekatan Differentiated Instruction (DI) dalam meningkatkan hasil belajar dan aktivitas Matematika siswa kelas XI MIPA-2 di SMAN 1 Koba. *Indonesian Digital Journal of Mathematics and Education*, 4(6), 370–378. <http://idealmathedu.p4tkmatematika.org/articles/V4-No6-NellyYuliana.pdf>
- Nur Syazlina Hanim Abdur Rahim, Jasmine Anak Jang, Nur Hana Afifa Jamal, Florance Duya Low, Salina Anak Rentap, Nicorsons Anak Fabian, Gilbert Anak Gordion, & Mohd Razimi Husin. (2019). Murid bekecerdasan tinggi dalam kalangan murid Kelas Rancangan Khas. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 1–13. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.19>
- Rokayati, Rahmat Ganda Wijaya, Ida, & Anisa. (2023). Perbandingan kurikulum pendidikan di Finlandia, Malaysia, dan Indonesia : Sebuah analisis komparatif. *Perbandingan Kurikulum Pendidikan Di Finlandia, Malaysia Dan Indonesia: Sebuah Analisis Komparatif*, 5(1), 36–43.
- Ruddy Anak Sibat, & Ruhizan M.Yasin. (2022). Pengaruh persekitaran sosial bilik darjah terhadap tahap penguasaan kemahiran dan motivasi murid dalam Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)*, 7(4).
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi pelaksanaan Pengajaran Terbeza dalam kalangan guru prasekolah: Satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4(3), 9–18. <http://majmuah.com/journal/index.php/bij/article/view/97>
- Sherone J. Oyunini, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2023). Keberkesanan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) terhadap kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 60–74. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.6>
- Sioratna Puspita Sari, & Jessica Elfani Bermuli. (2021). Pembentukan karakter tanggung jawab siswa pada pembelajaran daring melalui implementasi pendidikan karakter. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian Dan Kajian Kepustakaan Di Bidang Pendidikan, Pengajaran Dan Pembelajaran*, 7(1), 110. <https://doi.org/10.33394/jk.v7i1.3150>
- Siti Rashidah Abd Razak Haslina Hamzah, & Rashed, Z. N. (2016). Cabaran guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak murid. *E-Bangi*, 13(4), 100–110.
- Slamet, Moh Yusrul Hana, & Suratman. (2023). Implementasi kurikulum Pendidikan Agama Islam berbasis masyarakat di Kutai Lama. *Sanskara Pendidikan Dan Pengajaran*, 1(03), 117–125. <https://doi.org/10.58812/spp.v1i03.140>
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi, & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*, 86(02), 31–42. <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>
- Suhaili Samsudin. (2005). Kepelbagaian budaya dalam pengajaran bahasa Melayu. *Dian Bahasa*, 39–55.
- Tomlinson, C. A. (2000). Differentiation of instruction in the elementary grades: Differentiation of instruction in the elementary. *Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education*, August 200, 1–2. <http://ericecece.org>
- Tursunbayevna, T. S. (2021). Differentiation innstruction as a tool for effective teaching and learning. *International Vritual Conference On Innovative Thoughts, Research Ideas and Inventions in Sciences*, 174–176.
- Zuraidah Abdul, Hafizhah Zulkifli, & Zamri Mahamod. (2023). Memperkasakan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran akidah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 11–21.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021a). Kaedah Pengajaran Pedagogi Terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid : Pemikiran Imam Ibn Sahnun. *GJAT*, 11(2), 86–96.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021b). Pedagogi Terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202–214. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.997>

- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021c). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan Pedagogi Terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *TAMU*, 7(2), 1–11.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan Model Pedagogi Terbeza berasaskan elemen proses pengajaran dalam mata muridan Tilawah Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 1–18. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1525>